

Adun kesal tiada tindakan

Tebing jalan runtuh makin teruk di Riana Ukay

SYAIRI SHAARI

HULU KELANG - Adun Hulu Kelang, Saari Sungib kesal berikutan tiada tindakan diambil susulan tanah runtuh di Jalan Riana 1, Taman Riana Ukay berhampiran Kampung Sungai Sering sejak sebulan lalu.

Menurutnya, tanah runtuh itu berpunca dari tebing sungai yang telah mengakibatkan sebahagian jalan runtuh namun agensi yang bertanggungjawab gagal menangani masalah tersebut.

"Isu ini sudah berlanjutan sebulan dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sepatutnya mengambil tindakan segera mengatasi masalah ini.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Kerajaan Negeri telah bertindak dengan aduan yang dibuat namun JPS masih gagal memberi sebarang maklum balas dalam isu ini," katanya kepada Sinar Harian ber-



Keadaan jalan yang dirakam oleh Sinar Harian pada bulan lalu.



Keadaan jalan yang dirakam kelmarin.

hubung isu tersebut.

Saari berkata, MPAJ telah menghantar surat kepada JPS sebanyak tiga kali iaitu pada 10 Jun, 13 dan 27 Jun 2013 selain beliau turut membawa permasalahan tersebut kepada Ahli

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dan JPS, baru-baru ini.

Katanya, ini menunjukkan kelemahan agensi berkenaan kerana sehingga hari ini masih tidak bertindak

berhubung dalam soal keselamatan dan kepentingan orang awam.

"Kelewatan mengatasi masalah tersebut akan mengakibatkan kerajaan negeri menanggung kos dan bajet membaiki menjadi lebih besar lagi di

mana ia akan turut menjejaskan pembayar cukai," katanya.

Jelasnya, beliau berharap MPAJ dapat bertindak dengan menutup jalan tersebut dari digunakan oleh orang awam selagi ia tidak dibaik pulih kerana terdedah dengan risiko bahaya.

Menurutnya lagi, rakyat berharap memahami situasi ini setelah pihaknya selain MPAJ dan kerajaan negeri telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini.

Sementara itu, *Sinar Harian* telah menyiarkan isu ini pada bulan lalu melalui rungutan penduduk di sini yang mahukan kerosakan jalan tersebut dibaiki dengan segera.

Namun, tinjauan kelmarin mendapati belum ada tanda kerosakan tebing dan jalan tersebut akan dibaiki.

Sebelum ini, jalan tersebut ditutup kepada orang ramai namun dibuka dan boleh membahayakan kepada pengguna.